

Nafi bersekongkol ejen pinjaman

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** dan **SALEHUDIN MAT RASAD**

pengarang@utusan.com.my

■ RAUB 13 JUN

ANGKATAN Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) menafikan pihaknya bersekongkol dengan ejen atau broker pinjaman termasuk dakwaan memanipulasikan gaji kakitangan awam dalam meluluskan pinjaman peribadi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kelulusan pinjaman dilakukan menerusi prosedur yang ditetapkan seperti berdasarkan kepada salinan slip gaji yang diberikan untuk diproses.

“Apabila permohonan dibuat, kita kira mengikut kaedah ditetapkan dan ada sistem yang digunakan. Hendak kata Angkasa bersekongkol dengan broker tidak masuk akal kecuali mungkin ada satu dua kes yang terlepas pandang.

“Kita ada sistem yang diteliti dan diaudit oleh Suruhanjaya Koperasi dan Jabatan Akauntan Negara. Kita sentiasa terbuka menerima aduan dalam memastikan ketelusan,” katanya



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) bersama Syed Ali Syed Mohamad (kiri) dan Abd. Aziz Mat Kiram dalam majlis Aidilfitri Perhubungan Koperasi Zon 2 di Kelab Golf Raub, Pahang, semalam. - UTUSAN/SALEHUDDIN MAT RASAD

pada Majlis Sambutan Hari Raya Angkasa Zon 3 di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Bandar dan Orang Asli negeri, Datuk Abd. Aziz Mat Kiram; Presiden Alumni Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM), Datuk Abdullah Abu Bakar dan Pengerusi Angkasa Zon 2 Pahang, Datuk Syed Ali Syed Mohamad.

Beliau mengulas mengenai laporan sebuah akhbar baru-baru ini mengenai sindiket penyelewengan pinjaman yang

menjejaskan 140,000 orang yang terkesan selepas pemotongan gaji mereka melebihi 60 peratus.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa menerima permohonan potongan gaji daripada peminjam melalui koperasi termasuk slip gaji terbahanu pemohon.